

FORMULASI BAJA SEMBURAN NF DAN PENGGUNAAN

Keberkesanan baja kepada tanaman bergantung kepada cuaca dan formulasi baja yang sesuai. Bagi pengamal pertanian adalah menjadi perkara penting untuk mereka mengenalpasti peringkat tanaman terlebih dahulu sebelum baja diaplikasikan. Ini kerana baja yang sesuai pada peringkat tanaman mempengaruhi hasil dan tumbesaran sesuatu tanaman itu.

Formulasi baja yang boleh diaplikasi mengikut peringkat tanaman adalah seperti berikut. Contoh kegunaan ini adalah untuk 10 liter air.

- Rawatan biji benih (Type 1) disediakan dengan mencampurkan 20 ml FPJ, 20 ml cuka asli/BRV dan 10 ml OHN.
- Peringkat Tumbesaran (Type II) disediakan dengan mencampurkan 20 ml FPJ, 20 ml cuka asli, 20 ml FAA dan 15 ml PCa.
- Peringkat Berbunga (Morning Sickness) disediakan dengan mencampurkan 20 ml FFJ, 20 ml cuka asli, 15 ml PCa dan 20 ml FAA.
- Peringkat Berbuah (Type III) disediakan dengan mencampurkan 20 ml FFJ, 15 ml Ca P, 20 ml FAA dan 330 ml air laut.
- Peringkat Kematangan Buah (Type IV) disediakan dengan mencampurkan 30 ml Ca P dan 400 ml air laut.
- Minuman ternakan disediakan dengan mencampurkan 20 ml FAA dan 20 ml FPJ.



KEMALANGAN BAJA LARUTAN NF

- Tidak mencemarkan alam sekitar
- Selamat kepada pengguna
- Menjimatkan kos
- Mesra alam dan pengguna
- Meningkatkan hasil pendapatan
- Meningkatkan kesuburan tanah
- Boleh diproses sendiri oleh petani

PENUTUP

Teknologi ini diharapkan dapat memberi lebih banyak pilihan kepada pengusaha pertanian dari segi penggunaan baja dan kawalan perosak pada tanaman. Pengurangan kebergantungan kepada penggunaan bahan kimia oleh pengusaha bukan sahaja dapat mengurangkan/menjimatkan kos tetapi juga secara tidak langsung dapat membantu menghasilkan makanan yang selamat dimakan dan bebas daripada residu kimia sintetik.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:



Bahagian Hortikultur
Jabatan Pertanian Malaysia
Wisma Tani, Aras 10
No. 30, Persiaran Perdana
Presint 4, 62624 PUTRAJAYA
Tel : 03-8870 3000 Fax : 03-8888 8139
atau Pejabat Pertanian berhampiran

<http://www.doa.gov.my>



BAJA SEMBURAN NATURAL FARMING



PENGENALAN

Baja semburan *Natural Farming* (NF) disediakan melalui proses fermentasi dengan menggunakan bahan di sekeliling ladang seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan sisa tanaman bersama gula merah. Selain daripada itu, baja NF diperbuat daripada tulang dan kulit telur yang dicampur dengan cuka asli. Baja ini sesuai digunakan untuk semua jenis tanaman dan minuman ternakan.

JENIS BAJA

1 Fermented Plant Juice (FPJ)/ Peraman Jus Tumbuhan

Bahan yang diperlukan :

- Tumbuhan hijau/ sayur-sayuran. (contoh: Kangkung, sulur pisang muda, jantung pisang, pegaga)
- Gula merah
- Kertas putih (tanpa karbon),
- Tali rafia
- Bekas plastik

Kaedah penyediaan:

- Sayuran hijau dipotong (saiz 5-10 cm) dan digaul bersama gula merah dengan kadar (1:1). Contoh: 1 kg kailan + 1 kg gula merah
- Pastikan bahan tidak diramas semasa menggaul.
- Tutup dengan kertas putih
- Peram selama seminggu dan tapis



2 Fermented Fruit Juice (FFJ)/ Peraman Jus Buah

Bahan yang diperlukan :

- Buah-buahan yang masak dan manis (contoh: pisang, nenas, tembikai, rambutan dokong, betik) (durian, pitaya dan nangka tidak disyorkan kerana kekurangan kandungan jus)
- Gula merah
- Kertas putih (tanpa karbon)
- Tali rafia
- Bekas plastik

Kaedah penyediaan:

- Buah-buahan dipotong dan digaul bersama gula merah dengan kadar (1:1)
- Bahan perlu diisi sehingga 2/3 daripada bekas
- Tutup dengan kertas putih
- Peram selama seminggu dan tapis

3 Fish Amino Acid (FAA)/ Peraman Ikan

Bahan yang diperlukan :

- Ikan
- Gula merah
- Kertas putih (tanpa karbon)
- Tali rafia
- Bekas plastik

Kaedah penyediaan:

- Ikan dipotong dan dicampur gula merah dengan kadar (1:1)
- Masukkan gula merah di lapisan bawah terlebih dahulu dan disusun lapis demi lapis bersama gula merah diikuti dengan ikan dan seterusnya ditutup dengan gula merah sehingga 2/3 bekas.
- Tutup dengan kertas dan ikat
- Peram selama sebulan
- Tapis bahan selepas cukup sebulan



4 Calcium Phosphate (CaP)/ Peraman Kulit Telur

Bahan yang diperlukan :

- Kulit telur (digoreng tanpa minyak)
- Cuka asli
- Kertas putih (tanpa karbon),
- Tali rafia
- Bekas plastik

Kaedah penyediaan:

- Kulit telur digoreng tanpa minyak
- Kulit telur dan cuka asli dicampur dengan kadar (1:10)
Contoh: 1 kg kulit telur + 10 liter cuka asli
- Tutup dengan kertas putih dan ikat
- Peram selama sebulan dan tapis



5 Phosphate Calcium (PCa)/ Peraman Tulang Bakar

Bahan yang diperlukan :

- Tulang bakar
- Cuka asli
- Kertas putih (tanpa karbon),
- Tali rafia
- Bekas plastik

Kaedah Penyediaan:

- Tulang dibakar dalam unggun api sehingga menjadi warna putih
- Campurkan tulang bakar dengan cuka asli dengan kadar (1:10)
- Tutup dengan kertas putih dan ikat
- Peram selama sebulan dan tapis

